

Minat murid berprestasi rendah terhadap pembelajaran

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti minat ke sekolah dan tahap penglibatan murid berprestasi rendah dalam pembelajaran. Kajian adalah berdasarkan reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama. Sampel kajian melibatkan 40 orang murid berprestasi rendah di sebuah sekolah menengah di pusat bandar Kota Kinabalu. Kajian menunjukkan sebahagian besar murid tidak merasa seronok ke sekolah. Tahap penglibatan dalam pembelajaran juga pada tahap rendah. Murid merasakan pendekatan pengajaran guru sebagai kurang menarik minat mereka untuk belajar. Sokongan keluarga dan rakan sebaya juga menjadi faktor murid tidak minat terhadap pembelajaran. Hasil kajian ini memberikan justifikasi bahawa program motivasi yang khusus kepada murid prestasi rendah sangat diperlukan. Seterusnya faktor pengajaran guru, sokongan keluarga dan rakan sebaya perlu diberi pertimbangan sewajarnya dalam merangka sebarang program motivasi untuk murid prestasi rendah.